Usaha mengembangkan kurnia itu sendiri bukanlah sesuatu yang salah. Namun, apabila kita menganggap segala "berkat" itu sebagai "milik kita" atau "milik saya", kita biasanya mula takut kehilangan apa yang dimiliki. Akibatnya, timbullah sikap terlalu ingin memiliki dan mempertahankan harta. Secara umumnya, dunia menganggap berkat berupa kurnia dan bakat sebagai milik peribadi.

Namun, bagaimana jika kita menyedari bahawa segala yang kita miliki sebenarnya hanya dipinjamkan kepada kita? Adakah kita akan lebih rela berkongsi dan berkorban? Ungkapan **"kita tidak mewarisi bumi daripada nenek moyang kita, sebaliknya kita meminjamnya daripada anak-anak kita"** mengingatkan kita bahawa masa dan ruang kehidupan ini hanyalah pinjaman. Sekiranya kita tidak terlalu terikat pada anggapan bahawa segala-galanya ialah hak kita, semangat menjadi pengurus amanah akan mendorong kita untuk memelihara perkara-perkara yang sebenarnya bukan milik kita. *(Petikan daripada homili seorang paderi Jesuit bertarikh 19 November 2023)*

Dari sudut pandang yang lain, talenta yang diberikan kepada ketiga-tiga hamba itu tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai wang atau kebolehan peribadi. Talenta itu juga melambangkan penyertaan dalam kerahiman Allah. Masalah hamba yang takut lalu menanam talentanya bukanlah kerana dia gagal mengurus pelaburan dengan baik, tetapi kerana dia pada asasnya tidak memahami sifat kurnia yang telah diterimanya. Kerahiman ilahi, yang diterima secara percuma sebagai kurnia, juga harus diberikan kepada orang lain secara percuma. Apabila kurnia itu ditanam di dalam tanah, yakni disimpan erat-erat untuk diri sendiri seolah-olah menjadi milik peribadi, kurnia tersebut akhirnya akan pudar. Oleh sebab itulah, kata-kata tuan yang kelihatan keras tidak sepatutnya difahami sebagai hukuman daripada Allah yang murka, sebaliknya sebagai gambaran suatu hakikat rohani: kerahiman ilahi hanya akan bertumbuh dalam diri kita sejauh mana kita menghulurkannya kepada orang lain. *(Petikan daripada wordonfire.org mengenai perumpamaan tentang talenta, 2014)*

Kita hanya dapat mengalami kepenuhan kasih dan kuasa Allah dalam diri apabila kita membiarkan kasih dan kuasa-Nya mengalir kepada orang lain. (Terry A. Modice, 7 Jun 2005)

Allah tidak mengurniakan kepada setiap orang kurnia yang sama atau semestinya setara. Allah juga tidak mengharapkan hasil usaha yang sama atau semestinya setara daripada setiap orang. Dalam perumpamaan itu, seorang hamba memperoleh keuntungan sebanyak lima talenta, manakala seorang lagi memperoleh dua talenta. Bagaimanakah kita telah menggunakan talenta yang dikurniakan kepada kita?

Ayat Suci Minggu ini

Amsal 31:10–13, 19-20, 30-31
Mazmur 127:1–5
1 Tesalonika 5:1–6
Matius 25:14–30 (atau 25:14–15, 19–21)

"Kita harus menyedari tanggungjawab besar kita untuk menyerahkan bumi ini kepada generasi akan datang dalam keadaan yang membolehkan mereka juga mendiaminya dengan bermaruah dan terus mengusahakannya.

Paus Benediktus XVI

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 46/2026

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | **Emel:** api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | **Hari Minggu Biasa Ke-33** | **15 November 2026**
(Hari Orang Miskin Sedunia)

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: **EKOLOGI: Tangisan Bumi Adalah Tangisan Orang Miskin**



Adakah Kita Pengurus Amanah (atau Penimbun Harta)?

Perumpamaan hari ini memberikan tumpuan kepada tanggungjawab kita sebagai pengurus amanah atas rahmat dan kurnia Allah, serta kebertanggungjawaban kita terhadap segala berkat yang telah kita terima. Apabila kita melihat tugas sebagai pengurus amanah dari sudut pemilikan, sikap mementingkan diri sendiri boleh mula menguasai hati kita. Kita mungkin menganggap bahawa mengembangkan kurnia yang diterima bertujuan untuk menjamin kepentingan atau memperkayakan diri sendiri.